

09/06/2003

Tindakan burukkan negara memalukan

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan perbuatan segelintir rakyat negara ini yang bersekongkol dengan orang asing bagi memburuk-burukkan negara sendiri amat memalukan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, golongan itu menyertai orang asing memburukkan negara sememangnya amat tidak wajar kepada negara dan mereka sepatutnya berasa malu.

"Saya tidak tahu motif sebenar mereka. Saya sendiri pun hairan apa yang mereka dapat dengan perbuatan seperti itu (bersubahat dengan orang asing).

"Saya tidak tahu apa nilai yang mereka pegang hingga sanggup memburukkan negara sendiri," katanya ketika ditemui selepas menyertai pertandingan golf anjuran Dewan Perdagangan dan Industri Kebangsaan Malaysia (NCCIM) di Mines Golf Resort, Seri Kembangan, di sini semalam.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya sempena ulang tahun keputeraan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail berkata, ada segelintir rakyat negara ini kurang percaya kebolehan kerajaan sehingga sanggup menyertai orang asing memburuk-burukkan negara.

Perdana Menteri berkata, walaupun rakyat dapat melihat negara yang bermasalah ditindas dan ditakluk, ramai juga yang sedang berusaha memecah-belah dan melemahkan negara ini.

Abdullah tidak menolak perbuatan segelintir rakyat tempatan menyertai orang asing memburuk-burukkan negara boleh mengundang pelbagai bahaya dan amat mengecewakan.

Kejohanan golf anjuran NCCIM itu disertai seramai 74 peserta membabitkan pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan sebagai usaha mengeratkan hubungan antara kedua-dua pihak.

Turut hadir Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Seri Abdul Rahman Maidin dan Naib Presiden NCCIM, Datuk Syed Amin Al-Jeffri.

Di majlis itu, Abdullah turut menyampaikan hadiah kepada pemenang kejohanan itu yang menawarkan pelbagai hadiah menarik.